

# Persidangan Orang Asli kebangsaan, 11 Januari

**Kuala Lumpur:** Satu persidangan Orang Asli peringkat kebangsaan bakal diadakan pada 11 Januari ini bagi membincangkan cadangan serta tindakan proaktif dalam menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi 200,000 orang masyarakat itu di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy, berkata persidangan anjuran Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan kerjasama Universiti Putra

Malaysia (UPM) itu akan disertai pemimpin masyarakat Orang Asli, masyarakat sivil dan ahli akademik.

## Kenal pasti isu utama

"Persidangan akan didahului dengan perbincangan meja bulat pada Ahad ini untuk mengenal pasti isu utama yang dihadapi masyarakat itu, termasuk hak tanah, akses infrastruktur, pendidikan, jurang digital dan pemer-

Fakta  
nombor

200,000 ORANG

masyarakat Orang  
Asli di Malaysia

kasaan belia.

"Penemuan serta resolusi daripada persidangan kebangsaan ini akan dibawa kepada masyarakat Orang Asli untuk pendapat mereka dan selepas itu, suatu pelan tindakan induk akan disediakan untuk dibentangkan kepada Kabinet bagi pengesahan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang, pada 1 Januari lalu supaya

satu persidangan Orang Asli peringkat kebangsaan diadakan untuk merumuskan pelan tindakan bagi menaikkan taraf hidup masyarakat itu.

Waytha Moorthy yakin persidangan itu dan pelan tindakan Orang Asli yang akan digubal kelak dapat menangani isu yang sekian lama dihadapi oleh masyarakat terbabit, sekali gus memenuhi janji manifesto pilihan raya kerajaan kepada masyarakat berkenaan.